

SUNGAI PETANI, 3 JUN (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI RAKYAT BUKAN ISLAM DI NEGARA INI TIDAK AKAN DITINDAS ASALKAN MEREKA TIDAK MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MEMBURUKKAN AGAMA ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU PERNAH MENDENGAR PENDAPAT DARI GOLONGAN TERTENTU MEMINTA SUPAYA + PERKARA-PERKARA YANG BUKAN ISLAM DI NEGARA INI MESTILAH DIHAPUSKAN KONONNYA KERANA IA BERTENTANGAN DENGAN ISLAM YANG MENJADI AGAMA RASMI NEGARA +.

+ GOLONGAN INI MESTI INGAT BAHAWA MENJADIKAN ISLAM AGAMA RASMI NEGARA TIDAK BERMAKNA KITA BOLEH MEMAKSA ORANG-ORANG LAIN MENGIKUT KEHENDAK KITA, + KATANYA KETIKA BERUCAP SEBELUM MELANCARKAN KERJAMULA PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN MASJID AL-AMIN SUNGAI LAYAR DEKAT SINI.

SEBAGAI CONTOH DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT BAHAWA GOLONGAN BERKENAAN MAHUKAN SEMUA BANK DI NEGARA INI DITUTUP SEMATA-MATA KERANA MALAYSIA MEMPUNYAI BANK ISLAM.

+ TIDAK ADA SEBABNYA KITA MESTI BERTINDAK DEMIKIAN WALAUPUN ITA BERKUASA, + KATANYA.--LAGI 1555/0M

ZCZC 0569:

MAHATHIR - ISLAM 2 SUNGAI PETANI

KERAJAAN MEMBERIKAN KEBEBASAN KEPADA UMAT LAIN UNTUK MENGAMALKAN. KERJA-KERJA IBADAT MASING-MASING TETAPI ANYA MEMPUNYAI HAD.

KEBEBASAN TERSEBUT DIBERI KERANA UMAT BUKAN ISLAM DI NEGARA INI JUGA MEMPUNYAI HAK UNTUK BERIBADAT, KATANYA.

LAGIPUN UMAT BUKAN ISLAM DI NEGARA INI TIDAK PERNAH MELAKUKAN PERBUATAN-PERBUATAN YANG BERCANGGAH DENGAN KEPENTINGAN ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM YANG MENJADI GOLONGAN MINORITI DI NEGARA-NEGARA LAIN JUGA DIBERI KEBEBASAN UNTUK MENGERJAKAN IBADAT TANPA DITINDAS.

+ KITA MAHU MEREKA TERUS DIBERI KESEMPATAN BERBUAT DEMIKIAN WALAUPUN KERAJAAN YANG MEMERINTAH MEREKA BUKAN ISLAM, +KATANYA.

JADI PADA MASA YANG SAMA JUGA UMAT BUKAN ISLAM DI NEGARA INI PERLU JUGA DIBERI PELUANG YANG SAMA, KATANYA.--LAGI 1557/0M

ZCZC 0570:

MAHATHIR - ISLAM 3 SUNGAI PETANI

DALAM MAJLIS YANG SAMA DATUK SERI DR. MAHATHIR MELAHIRKAN RASA KESAL KERANA MENDAPATI TIDAK ADA PEMUDA ISLAM YANG MAHU BEKERJA MEMBINA SEBUAH PUSAT ISLAM DI KEPULAUAN MALDIVES WALAUPUN KONTRAK MEMBINA PUSAT ITU DIPEROLEHI OLEH PEMBORONG DARI NEGARA INI.

+ INI AMAT MEMALUKAN KERANA WALAUPUN MALAYSIA TERLIBAT DENGAN PROJEK TERSEBUT, MEREKA YANG MEMBINA PUSAT ITU TERDIRI DARIPADA KAUM LAIN, + KATANYA.

BELIAU BERPENDAPAT KETIADAAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM DALAM PROJEK TERSEBUT MUNGKIN DISEBABKAN DI KEPULAUAN MALDIVES TIDAK TERDAPAT TEMPAT-TEMPAT HIBURAN.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI BANGGA KERANA BENTUK PUSAT ISLAM TERSEBUT ADALAH SERUPA DENGAN MASJID DI BANGSAR, KUALA LUMPUR.-
BERNAMA 1600/0M